



PERDANA LIBRARY  
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION  
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	27/1/2012



## Suara Blog

# Andrew Hornery 'wartawan paling teruk', Hindraf dan ABU

LAPORAN wartawan Australia, Andrew Hornery dalam akhbar *Morning Sydney Herald* yang mengulas raenagai Datin Seri Rosmah Mansor yang didakwa berbelanja besar di negara itu telah mendedahkan siapa sebenar kolumnis berkenaan.

Menurut **Dr. Novandri Hasan Basri** ([novandri.blogspot.com](http://novandri.blogspot.com)), berdasarkan carian di enjin pencari terkemuka dunia, ternyata Hornery telah tersenarai antara "wartawan paling teruk" di Australia.

Malahan katanya, penulis itu yang memetik beberapa laporan dalam enjin pencari berkenaan tidak layak dipanggil sebagai wartawan tetapi hanya tukang gosip liar semata-mata.

"...beliau kerap melakukan kesalahan dan sengaja mereka tambah untuk menjatuhkan subjek beliau! Sungguh kelakar!

"Malah terdapat artikel yang mengangap Hornery sebagai "Gossip Queen of The Sydney Morning Herald". Mat saleh ini lelaki

tetapi kenapa dipanggil 'queen' atau 'ratu', katanya.

Tambah beliau, apa yang lebih memanjatkan ternyata Hornery seorang pengamal seks sejenis dan menyokong gay menerusi tulisan-tulisannya di majalah gay terkemuka negara itu.

"Rakyat sudah pasti tidak percaya kepada gosip gay tersebut tentang Rosmah kecuali pemimpin pembangkang dan penulis blog mereka!

"Apakah Rosmah perlu saman ratu gosip liar yang gay dan antara wartawan paling teruk di Australia?" katanya.

Blog **Bumiyang** ([bumiyang.blogspot.com](http://bumiyang.blogspot.com)) pula memetik laporan sebuah portal berita tentang penafian pereka fesyen Australia, Carl Kapp berhubung dakwaan bahawa Rosmah berbelanja kira-kira RM325,000 semasa isteri Perdana Menteri itu melawat negaranya baru-baru ini.

Laporan itu yang memetik kenyataan Kapp berkata, kehadiran Rosmah ke premis beliau adalah bersama rombongan yang terlibat dengan Festival Fesyen Islamik yang Rosmah bertindak sebagai penaungnya.

"Maksudnya lain kali kalau Nik Aziz menjadi PM (Perdana Menteri), dan ketika beliau melawat ke luar negara, bila isterinya berbelanja dengan ahli-ahli muslimat Pas yang lain maka kesemua jumlah pembelian tersebut bolehlah diandaikan isteri Nik Aziz yang beli.

"Mana punya wartawanlah agaknya ini. Patutlah beliau (Hornery) pernah tersenarai sebagai antara 10 jurnalis paling teruk di Australia. Teruk sungguh bahan rujukan pakatan pembangkang ini," kata blog tersebut.

Sementara itu, dua blog lain melaporkan tentang penarikan diri pertubuhan Hindraf daripada menyokong kempen "Asal Bukan UMNO" (ABU) yang didalangi oleh parti pembangkang.

Blog **Gerakan Anti-PKR** ([gerakan-anti-pkr.blogspot.com](http://gerakan-anti-pkr.blogspot.com)) berkata, ABU kini sudah tinggal abu selepas pengunduran pertubuhan itu.

Katanya, ABU cuba menghidupkan nostalgia penubuhan Hindraf melalui satu perhimpunan di Kampung Jalan Kebun, Klang dengan meniupkan semangat dan api perkauman tetapi gagal.

"Hindraf pun dah tinggal abu. Dulu Hindraf pecah jadi Makkal Sakti, Mindraf dan lain-lain. Malaysiakini kata ABU mendapat sokongan lapisan masyarakat yang menolak UMNO.

"Bila tengok balik video ABU di Jalan Kebun, tak sampai 10 "orang yang hadir ceramah," katanya.

Blog **House PK** ([parpukari.blogspot.com](http://parpukari.blogspot.com)) pula berkata, sejak awal lagi Hindraf memang dipergunakan oleh Parti Keadilan Rakyat (PKR) dalam kempen berkenaan.

"Untuk apa membawa anggota-anggota Hindraf berkempen di perkampungan 100 peratus Melayu dan beragama Islam pada waktu Maghrib kalau bukan menjadikan Hindraf sebagai umpan bagi mencetuskan rasuhan kaum yang lebih besar?

"Dari situ sahaja sudah cukup untuk memberikan bukti bahawa PKR telah merancang dari awal agar ada di kalangan anggota Hindraf kena belasah dan apabila itu berlaku, merekalah yang paling gembira kerana beranggapan provokasi mereka telah berjaya," katanya.

Penarikan diri Hindraf daripada menyokong kempen tersebut jelas menggambarkan kesedaran mereka tentang taktik PKR yang mahu menjadikan pertubuhan itu sebagai kambing hitam bagi parti berkenaan meraih sokongan kaum India.

**Kelolaan LUKMAN ISMAIL**  
[lukman@utusan.com.my](mailto:lukman@utusan.com.my)